

11/01/2002

Jaminan kepada pelancong Jepun

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada peniaga dan pelancong Jepun bahawa mereka tidak perlu bimbang untuk melawat negara ini semata-mata kerana Malaysia sebuah negara Islam.

Perdana Menteri berkata, beliau diberitahu ada pelancong Jepun yang bimbang untuk mengunjungi negara ini kerana ia sebuah negara Islam.

"Malaysia adalah sebuah negara Islam sejak merdeka dan peniaga serta pelancong Jepun sudah melawat negara ini sejak itu lagi.

"Kita tidak mengalami sebarang perubahan walau sedikitpun, lantas kebimbangan ini tidak berasas sama sekali," katanya berucap pada majlis jamuan meraikan rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi di Seri Perdana di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata media Jepun yang biasa dengan Malaysia harus membantu membetulkan kekeliruan itu di kalangan pelancong Jepun.

Koizumi tiba tengah hari tadi untuk lawatan sehari sebelum berangkat ke Bangkok pagi esok bagi meneruskan kunjungan ke negara Asean. Petang tadi, kedua-duanya mengadakan pertemuan empat mata di pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, masyarakat antarabangsa bergelut dengan masalah bagaimana memerangi pengganas selepas kejadian serangan 11 September lalu ke atas Amerika.

Tetapi katanya, Malaysia percaya walaupun Taliban berjaya ditumpaskan, tiada jaminan bahawa tidak lagi berlaku tindakan keganasan pada masa akan datang.

"Hanya satu cara untuk menanganinya, iaitu mencari punca dan menghapuskannya.

"Tidak syak lagi isu Palestin perlu diselesaikan jika kita mahu menghentikan orang daripada membelakangkan undang-undang dan memilih untuk melakukan keganasan. Pendapat dunia mesti ditampilkkan jika kita serius menanganinya," katanya.

Mengenai "Dasar Pandang ke Timur" yang diperkenalkan pada 1982 sebagai sebahagian strategi pembangunan Malaysia, beliau berkata ia bagi mencontohi etika kerja Jepun.

Katanya, Malaysia yakin bahawa kebangkitan Jepun sebagai negara perindustrian selepas Perang Dunia Kedua, sebahagiannya adalah disebabkan etika kerja yang diguna pakai oleh tenaga pekerjanya.

"Kerana keinginan mencontohi kejayaan Jepun, Malaysia memutuskan untuk menghantar pelajar dan pelatih ke Jepun. Sejak itu, lebih 13,000 anak tempatan mendapat pendidikan selain faedah latihan lanjutan di bawah dasar itu.

"Kita masih percaya bahawa "Dasar Pandang ke Timur" masih relevan. Kita yakin bahawa Jepun akan bersedia untuk menyediakan lebih banyak konsesi dan tempat bagi pelajar serta pelatih Malaysia di universiti dan institusi teknikal di Jepun pada masa akan datang," katanya.

Selain itu katanya, Malaysia menganggap Jepun sebagai rakan utama dagangan dan yakin kedudukan itu akan berterusan.

Beliau berkata, pelabur Jepun terus memberi sumbangan kepada pembangunan industri pembuatan di negara ini selain teknologinya membantu mempercepatkan lagi proses itu.

Malah kata Perdana Menteri, bantuan kewangan Jepun kepada Malaysia sewaktu krisis ekonomi serantau turut membantu keadaan dan usaha itu amat dihargai "dan berharap Jepun akan terus menjadi rakan aktif dan yang boleh dipercayai dalam pembangunan negara".

Dari segi pelaburan langsung asing (FDI), Dr Mahathir berkata Jepun terus menjadi sumber penting untuk Malaysia. Bagi tempoh Januari-Oktober tahun lalu, sejumlah 134 projek dengan nilai pelaburan modal RM3.05 bilion diluluskan.

Jepun kekal sebagai pelabur asing kedua terbesar di negara ini selepas Amerika Syarikat.

Bagaimanapun katanya, pembabitan syarikat-syarikat dari Jepun di Koridor Raya Multimedia (MSC), masih agak terhad dan berharap tahap pelaburan itu akan meningkat.

Mengenai perdagangan, beliau berkata Jepun juga adalah rakan dagang kedua terpenting iaitu merangkumi 17 peratus eksport global Malaysia. Tahun lalu, 21 peratus import negara ini adalah dari Jepun dan 13 peratus eksport Malaysia pula pergi ke negara itu.

"Kita berharap lebih banyak produk Malaysia memasuki pasaran Jepun. Saya gembira bahawa hubungan rapat serta kerjasama yang baik antara kedua-dua negara berterusan," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat serantau dan antarabangsa, Malaysia dan Jepun terbabit secara cergas dan bekerjasama rapat di kebanyakan forum penting seperti Asean + 3, Forum Serantau Asean (ARF) dan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean-Eropah (Asem).

Katanya, Malaysia gembira kerana Jepun terus berminat dalam hal ehwal Asean dan memberi bantuan dalam pelbagai program termasuk perdagangan dan pelaburan, pembangunan sumber manusia serta teknologi maklumat.

(END)